

PERPUSTAKAAN AWAM PASIR GUDANG


KERATAN AKHBAR BERKAITAN PASIR GUDANG

26 OGOS 2016

JUMAAT



AKHBAR	TAJUK BERITA	M/S
HARIAN METRO	PENANGGUHAN AKTIVITI AIR DITARIK	2
HARIAN METRO	TELITI SEMULA SYARAT JAGA SEKOLAH	3
UTUSAN MALAYSIA	HIASI RUMAH	4
BERITA HARIAN	20 PENDUDUK PASIR GUDANG TERIMA BANTUAN KEPERLUAN HARIAN	5
BERITA HARIAN	PERKASA RIMUP PERINGKAT NEGERI	6
BERITA HARIAN	AKTIVITI AIR DALAM KOKURIKULUM PELAJAR DIBENARKAN SEMULA	7
KOSMO	AKTIVITI AIR SEKOLAH DIBENARKAN	8
SINAR HARIAN	PENANGGUHAN AKTIVITI AIR DITARIK BALIK	9



HARIAN METRO

HM 26/8/16

Penangguhan aktiviti air ditarik


Pasir Gudang: Kementerian Pendidikan membatalkan penangguhan semua aktiviti air dalam kegiatan kurikulum murid yang dirancang sejak 12 Ogos lalu bermula kelmarin.

Penangguhan itu dibuat susulan seorang guru di Kedah meninggal dunia dipercayai akibat jangkitan Leptospirosis atau kencing tikus ketika mengikuti aktiviti Pendidikan Luar Murid Sekolah Menengah 1Malaysia peringkat negeri pada 17 hingga 20 Julai lalu di Pusat Kokurikulum Daerah Baling (Kem Jerai) di Kedah.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, penangguhan ditarik balik berikutan tiada kes baharu dilaporkan dan Prosedur Operasi Standrad (SOP) serta panduan baru dikeluarkan kementeriannya menerusi surat pekeliling.

"Menerusi surat pekeliling itu, semua aktiviti kurikulum, sukan, pendidikan khas yang membabitkan air seperti di laut, sungai, air terjun, tasik, kolam atau seumpamanya perlu mematuhi garis panduan yang ditetapkan."

"Garis panduan yang perlu dipatuhi sudah diperincikan menerusi tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan," katanya pada sidang media selepas merasmikan Sekolah Seni Malaysia Johor, di sini, semalam.



HARIAN METRO



Teliti semula syarat jaga sekolah

Kementerian Pendidikan tidak kompromi soal keselamatan murid

Omar Ahmad
am@metro.com.my

Pasir Gudang

Kementerian Pendidikan meminta semua pihak termasuk Pengarah Pendidikan Negeri melihat semula syarikat kawalan keselamatan yang menjaga sekolah

bagi mengelak kejadian orang luar masuk tanpa disedari sehingga menjadikan keselamatan murid.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, keselamatan di sekolah bukan sahaja perlu diambil berat dari dalam premis, tetapi selepas tamat waktu persekolahan terutama aspek jalan raya.

"Soal keselamatan di luar sekolah sebaik lokeng tamar sesi pembelaan jarak dibunyikan, pengawal keselamatan perlu lihat keadaan mereka terutama di jalan raya berdekatan sekolah," katanya pada sidang media se-

lepas merasmikan Sekolah Seni Malaysia Johor, di sini, semalam.


Dalam pada itu, kementerian tidak akan campur tangan dalam isu penderaan seksual membabitkan Sekolah Agama di bawah Kerajaan Negeri kerana segala peraturan ditetapkan di bawah kerajaan negeri.

Namun katanya, jika ia terjadi di sekolah bawah Kementerian Pendidikan tindakan sejawarnya akan diambil.

"Sekolah dalam selatan negeri ini ia hak negeri sebab guru dibayar gaji oleh kerajaan negeri dan peraturan mereka di bawah peraturan negeri," katanya.

FAKTA

Lihat semula syarikat kawalan keselamatan yang juga sekolah




UTUSAN MALAYSIA



HIASI RUMAH

BACHOK NOHONG menunjukkan deretan Jalur Gemilang yang menghiasi rumahnya di Kampung Pasir Puteh, Masai, Johor Bahru, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI



BERITA HARIAN

20 penduduk Pasir Gudang terima bantuan keperluan harian

BH 26/8/16

Pasir Gudang: Seramai 20 penduduk kawasan Parlimen Pasir Gudang di sini, menerima bantuan keperluan harian sempena program Kembara Jalanan Kasih: Gen-Y Gemilang Siswa di Pejabat Parlimen Pasir Gudang di sini, semalam.

Program yang disertai 20 pelajar selawan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Pasir Gudang dan Kolej Komuniti Pasir Gudang berjaya membantu meringankan beban golongan kurang berkenammpuan.

Abdi Parlimen Pasir Gudang, Datuk Normala Abdul Samad, berkata program bantuan yang membabitkan generasi Y itu menjadi antara usaha merapatkan hubungan kemasyarikatan antara pelajar dan komuniti setempat, sekali gus menanam sifat kesedaaan bagi memenuhi kehendak golongan sasaran.

Katanya, keistimewaan program yang julkung kali diadakan ialah membabitkan pemerahan dua Jalur Gemilang kepada setiap penerima sebagai usaha menyemarakkan lagi Bulan Kemerdekaan.

"Inisiatif yang ditorjolkan anak muda ini harus dipuji berikutnya semangat dan keikhlasan mereka turun padang bagi membenarkan sumbangan kepada yang memerlukan."

"Walauipun berstatus pelajar, mereka mengambil daya usaha mengumpulkan dana atau barang untuk bersama menjalankan aktiviti kemasyarikatan. Usaha ini harus dicontoh dan ditularkan dalam jiwa anak muda yang lain," katanya.

Babit lima lokasi

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan program berkenaan yang turut dihadiri Pengarah Jabatan Peranginan Malaysia Johor, Zainudin Ismail.


Normala berkata, konvoi penyampaian sumbangan keperluan harian turut membabitkan lima lokasi terpilih termasuk di Taman Scientex, Nusa Damai, Cendana dan Rinting, dekat sini.

Jabatan yang terbabit dalam program ini termasuk Jabatan Penerangan, Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS) Wilayah Selatan, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) Johor, UiTM Kampus Pasir Gudang dan Kolej Komuniti Pasir Gudang.

Fakta nomor

5 LOKASI

penyampaian bantuan di Taman Scientex, Nusa Damai, Cendana dan Rinting



BERITA HARIAN



Mahdzir (tengah) bermain ukulele bersama pelajar yang sedang menjalani latihan selepas merasmikan Sekolah Seni Malaysia Johor di Masai, Johor Bahru.

Perkasa RIMUP peringkat negeri

BH 26/8/16

Pasir Gudang: Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang menghimpuunkan pelajar sekolah kebangsaan (SK) dan sekolah rendah jenis kebangsaan (SJK) perlu diperkasakan di peringkat negeri untuk mengukuhkan perpaduan kaum.

Menyatakan demikian, Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata sekolah aliran Melayu, Cina dan India ada masalah, tetapi faktor luar

termasuk politik kebencian dan pengaruh media sosial yang mengancam perpaduan kaum.

Sehubungan itu katanya, dalam program pemukiman Kabinet diadakan sebelum ini turut mencadangkan program RIMUP kalau hanya setahun sekali atau dua kali program di peringkat kebangsaan sahaja," katanya.


"Saya sudah meminta bahagian kurikulum memperkasa RIMUP seperti mengadakan kem pengawas kepimpinan bersama pelajar dari SK dan SJK.

"Malah, dalam retreat (pemukiman) menteri Kabinet pun mencadangkan RIMUP diperkasakan. Kalau boleh kita mahu setiap negeri mengadakan program setiap bulan. Tidak cukup kalau hanya setahun sekali atau dua kali program di peringkat kebangsaan sahaja," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sekolah Seni Malaysia Johor di Bandar Seri Alam di sini,

semalam. Yang turut hadir, Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof.

Beliau mengulas rumusan forum Bicara BH bertajuk Perpaduan Semakin Rapuh: Apa Yang Silap? yang mengenal pasti empat perkara iaitu politik, media sosial, kemajuan dan pendidikan boleh menjelaskan perpaduan rakyat sekali gus menggugat keharmonian hidup masyarakat di negara ini.



BERITA HARIAN

Aktiviti air dalam kokurikulum pelajar dibenarkan semula

BH 26/8/16

Pasir Gudang: Kementerian Pendidikan menarik balik arahan penangguhan semua aktiviti air dalam kegiatan kokurikulum murid mulai kelmarin selepas satu prosedur operasi standard (SOP) baharu dikeluarkan sebagai panutan keselamatan.

Penangguhan itu dibuat mulai 12 Ogos lalu berikutan kematian seorang guru di Kedah, dipercayai akibat jangkitan leptospirosis atau kencing tikus ketika mengikuti program di Kem Jerai, pada 17 hingga 20 Julai lalu.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata menerusi SOP itu, semua kegiatan kokurikulum, sukan dan pendidikan khas yang membabitkan air seperti di laut, sungai, air terjun, tasik atau kolam perlu mematuhi garis pan-



Setakat ini, tiada lagi kes kencing tikus dilaporkan. Garis panduan ini dibuat supaya kita berhati-hati memilih tempat untuk aktiviti."

Mahdzir Khalid,
Menteri Pendidikan



Keratan akhbar BH Ogos lalu.

duan ditetapkan iaitu sebelum, semasa dan selepas aktiviti dia-larkan.

Katanya, pihak sekolah juga perlu membuat persiapan sebelum aktiviti air dijalankan, termasuk meninjau kawasan terbatas dan meminta pandangan Jabatan Kesihatan.

"Setakat ini, tiada lagi kes kencing tikus dilaporkan. Garis panduan ini dibuat supaya kita berhati-hati memilih tempat untuk aktiviti. Kalau tempat itu sudah berulang kali ada kes, kalau kita pergi juga, memang cari nahas," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Sekolah Seni Malaysia Johor di Bandar Seri Alam, di sini semalam.

Sedia pelbagai bidang

Sementara itu dalam perkembangan lain, Mahdzir berkata, pemuliharaan sekolah seni menunjukkan kesungguhan kementerian menzahirkan transformasi sistem pendidikan negara dengan menyediakan pelbagai bidang termasuk sekolah agama, sukan dan bidang teknikal,

Katanya, selain sekolah seni yang mendapat pelbagai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, sekolah sukan juga turut memperkenalkan kecemerlangan apabila 21 daripada 31 atlet Malaysia yang bertanding di Sukan Olimpik, baru-baru ini, adalah bekas pelajar sekolah sukan.



Info

Jangkitan kencing tikus

→ **Leptospirosis disebabkan bakteria gram negatif dari genus Leptospira.**

→ **Tikus dan haiwan domestik seperti lembu, khinzir dan anjing**

sering menjadi perumah utama bagi bakteria genus Leptospira.


→ **Haiwan yang dijangkiti**

Leptospira boleh

merembeskan bakteria itu melalui air kencingnya secara berperingkat atau secara berterusan selama berbulan-bulan.

→ **Leptospirosis boleh menjangkiti manusia**

melalui pendedahan kepada air kencing haiwan pembawa terbitan.



KOSMO

Kosmo 26/8/16

KPM keluar garis panduan baharu bagi jamin keselamatan pelajar, guru

Aktiviti air sekolah dibenarkan

PASIR GU DANG — Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah menarik balik penangguhan semua aktiviti air dalam kegiatan kurikulum murid berkutu kuasa kelmarin.

Menterinya, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, pihaknya telah mengeluarkan garis panduan baharu dan prosedur operasi standard menerusi Surat Pekelliling Iktisus (SPD) KPM.

Katanya, menerusi SPI tersebut semua aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan dan aktiviti Pendidikan Khas yang membabitkan air seperti laut, sungai, air terjun, tasik, kolam atau seumpamanya perlu mematuhi garis pan-

duan yang ditetapkan.

"Garis panduan yang perlu dipatuhi telah diperincikan menerusi tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan.

"Penangguhan ini diitarik balik selepas kita berpuas hati dengan laporan dan tiada kes membabitkan jangkitan leptospirosis atau kencing tikus," katanya.

Beliau berkata demikian semasa sidang akbar selepas merasmikan Sekolah Seni Malaysia (SSeM)



MAHDZIR (duduk, dua dari kanan) memetik ukulele bersama sekumpulan murid bidang muzik selepas merasmikan SSeM Johor di Pasir Gudang semalam.

Johor di Seri Alam di sini beroperasi pada 2007 semalam.


SSeM Johor sebelum ini dikenali sebagai Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid, Johor Bahru mula

beroperasi pada 2007 menumpang di Sekolah Menengah Kebangsaan Mohd. Khalid, Johor Bahru.

guru meninggal dunia selepas dipercayal terkena jangkitan kencing tikus setelah mengikuti aktiviti Pendidikan Luar Murid Sekolah Menengah IMalaysia peringkat negeri Kedah di Pusat Kokurikulum Daerah Baling, Kedah.

Sementara itu bercakap pada sidang akbar yang sama, Mahdzir memberitahu, KPM melihat kepentingan seni dalam sistem pendidikan di negara ini dan telah mewujudkan sebuah lagi SSeM di Kuala Lumpur selain SSeM Johor dan SSeM Sarawak.

Tambahnya, selain itu, KPM turut mewujudkan dua Program Pendidikan Seni di SMK Muhibbah, Sungai Siput, Perak mewakili Zon Utara serta SMK Elopura, Sandakan, Sabah (Zon Sabah).



SINAR HARIAN

SH 26/8/16

Penangguhan aktiviti air ditarik balik

Kementerian Pendidikan keluar SOP, panduan baharu berkaitan keselamatan aktiviti kokurikulum

■ MOHD FIRDAUS YON

PASIR GUDANG

Penangguhan semua aktiviti air dalam kokurikulum murid, susulan kejadian seorang guru di Kedah meninggal dunia dipercayai akibat jangkitan kencing ticus, telah ditarik balik.

Menteri Pendidikan, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, penangguhan itu ditarik balik bermula kelmarin, berikutnya prosedur operasi standard (SOP) dan panduan baharu dikeluarkan pihak kementerian.

"SOP dan panduan baharu telah dikeluarkan kementerian menerusi Surat Pekeliling Iktisad Kementerian Pendidikan Malaysia (SP) Bilangan 5 Tahun 2016; Panduan Keselamatan Semasa Pengajaran Pendidikan Jasmani dan Kesharuan serta Kegiatan Ko-kurikulum dan Sukan Di Dalam dan Di Luar Kawasan Sekolah, bertarikh 24

Ogos lalu.

"Menerusi SPI tersebut, semua aktiviti kokurikulum, aktiviti sukan dan aktiviti Pendidikan Khas yang membabitkan air seperti di laut, sungai, air terjun, tasik, kolam atau seumpamanya perlu mematuhi garis panduan ditetapkan," katanya pada sidang media Majlis Perasmian Sekolah Seni Malaysia Johor di Bandar Seri Alam, di sini semalam.

Hadir sama, Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof dan Pengurus Jawatankuasa Pendidikan, Penerangan, Pembangunan Ushawani dan Koperasi negeri, Datuk Md Jais Sarday.

Mahdzir berkata, garis panduan yang perlu dipatuhi telah diperincikan menerusi tiga fasa iaitu sebelum, semasa dan selepas aktiviti dijalankan.

Pada 12 Ogos lalu,



Mahdzir (duduk, tengah) beramah mesra bersama sebahagian pelajar Sekolah Seni Malaysia Johor, selepas merasmikan sekolah berkenaan di Bandar Seri Alam, semalam. —Foto: BERNAMA

Kementerian Pendidikan mengarahkan semua jabatan Pendidikan negeri, Pejabat Pendidikan Daerah dan pengurusan sekolah menerangkan semua aktiviti air dalam kegiatan kokurikulum murid.

Ia berikutnya kejadian seorang guru di Kedah yang meninggal dunia dipercayai akibat jangkitan kencing ticus semasa mengikuti aktiviti Pendidikan Luar Murid Sekolah Menengah 1Malaysia peringkat negeri di Pusat Ko-kurikulum Daerah

Baling (Kem Jerai), Kedah pada 17 hingga 20 Julai lalu.

Beliau turut meminta semua pihak termasuk ibu bapa mempertingkatkan tahap keselamatan murid, sama ada di dalam, di depan atau di luar kawasan sekolah.

Katanya, Pengarah Pendidikan negeri dan PPP juga diminta melihat sendiri perkhidmatan syarikat keselamatan di sekolah-sekolah agar kawalan keselamatan dapat dipertingkatkan.

Saranan itu susulan kejadian cubaan cabul, dipercayai seorang remaja lelaki ke atas seorang murid tahun dua di Terengganu, baru-baru ini.

Dalam kejadian jam 1.30 tengah hari Isnin lalu, seorang murid tahun dua sebuah sekolah rendah di Dungun dipercayai hampir menjadi mangsa cabul seorang lelaki tidak dikenali di dalam sebuah stor di sekolah berkenaan.

Bagaimanapun, murid perempuan berusia 8 tahun itu terselamat selepas dia menjerit, menyebabkan suspect panik lalu melarikan diri dengan memanjat tembok pagar sekolah.

